

Headline	Projek TNB patuhi EIA: MB		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	16 Mar 2019	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	21
ArticleSize	91 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,092		



## Projek TNB patuhi EIA: MB

**BATU KIKIR** - Projek Pembinaan Jajaran Talian Penghantaran Elektrik oleh TNB di Hutan Simpan Gunung Tampin yang melibatkan kerja pembalakan telah dikaji menerusi kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, dakwaan kerajaan yang buka kawasan hutan tersebut bagi tujuan pembalakan adalah tidak benar.

"Ia lebih kepada kerja bersih kawasan sepanjang jajaran penghantaran elektrik di mana terdapat pokok yang perlu ditebang dan dikeluarkan sebagai hasil kepada negeri.

"Dakwaan yang menga-

takan projek ini akan mendatangkan kesan yang buruk kepada alam sekitar termasuk kawasan pelancongan di sekitar Tampin adalah tidak berasas sama sekali.

"Ini kerana ia diluluskan laporan kajian EIA dan melalui beberapa siri konsultasi dan penerangan dengan pihak berkepentingan seperti wakil komuniti dan NGO," katanya.

Aminuddin berkata, kerja pengeluaran kayu ini akan dipantau melalui Jawatankuasa Pemantauan Prestasi Alam Sekitar (EPMC) bagi memastikan kerja pembalakan mematuhi syarat ditetapkan dan sebarang masalah yang timbul pasti akan ambil tindakan segera.